

172 (PM) 41

UCAPAN ~~YAB~~ PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI PERHIMPUNAN
AGONG M. C. A. PADA HARI SABTU,
IHB NOVEMBER, 1980 JAM 9.30 PAGI,
DI DEWAN KONVENSYEN, WISMA MCA,
JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR.

Yang Berhormat, Tuan Pengerusi Persidangan.

Yang Berhormat Datuk Lee San Choon
Presiden MCA,

Yang Berbahgia Tuan².

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan
Timbalan-Timbalan Menteri,

Ketua-ketua Parti Komponen Barisan Nasional;

Dif-dif Kehormat;

Para Perwakilan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MCA, kerana sudi menjemput saya, untuk merasmikan pembukaan Perhimpunan Agung MCA yang ke Dua Puluh Lapan, pagi ini.

2.

2. Inilah pertama kalinya, Perhimpunan Agong MCA diadakan di Dewan yang baru ini. Saya mengucapkan tahniah kepada MCA, di atas kejayaannya mendirikan sebuah bangunan parti yang begini besar dan indah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Datuk Lee San Choon di dalam ucapannya tadi, telah menarik perhatian kita kepada keadaan politik, ekonomi dan keamanan dunia yang tidak stabil dan membimbangkan. Di setengah-setengah negara, penduduk-penduduknya telah mengalami kemiskinan,

3.

kelaparan, melapetaka dan wabak penyakit. Perkara-perkara ini memanglah mendapat perhatian yang berat oleh Kerajaan.

4. Berhubung dengan keadaan di Kampuchea, kita mengharapkan suatu penyelesaian politik.

Bagi mewujudkan suasana yang sesuai untuk penyelesaian ini, kita bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain, telah menjalankan usaha di peringkat antarabangsa dan melalui hubungan dua hala. Dalam mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu yang sedang bersidang, kita bersama dengan negara-negara yang lain, telah mengemukakan satu usul mengenai Kampuchea.

4.

Usul itu telah diluluskan dengan suara terbanyak.

Kita berharap, dengan perkembangan ini, usaha-usaha yang lebih positif, akan dijalankan oleh pihak-pihak yang berkenaan, untuk mencapai penyelesaian yang boleh mewujudkan kestabilan di rantau ini.

5. Pencabulan yang berlaku di Afghanistan,

yang mengancam keselamatan dunia, juga membimbangkan

kita. Kita berpegang teguh kepada prinsip kedaulatan,

keutuhan dan kebebasan sesebuah negara. Berdasarkan

kepada prinsip ini, kita telah mengutuk pencabulan

...5/-

5.

ke atas Afghanistan. Kita bersama-sama masyarakat antarabangsa akan terus berusaha, supaya kuasa luar diundurkan daripada negara itu.

6. Peperangan diantara Iran dan Iraq, juga menjadi satu kebimbangan kepada kita. Kita harap satu penyelesaian yang awal, dapat dicapai bagi mendamaikan kedua-dua pihak ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Malaysia, sebagaimana negara-negara membangun yang lain, tidak puas hati dengan sistem ekonomi antarabangsa yang wujud sekarang ini. Sistem ekonomi antarabangsa yang ada sekarang ini, membendung perkembangan ekonomi dan perdagangan

6.

negara-negara membangun. Bagi membaiki keadaan ini, kita menyokong segala usaha untuk mewujudkan satu sistem yang baru, yang lebih adil. Kita telah mengemukakan cadangan-cadangan untuk mencapai dengan kestabilan dan kemakmuran di negara kita. Kita telah dapat mewujudkan kestabilan politik. Di samping itu, Malaysia bersama-sama dengan rakan-rakannya di dalam ASEAN, telah mengadakan rancangan pembangunan, yang telah memberi hubungan yang lebih rapat, dengan beberapa buah negara-negara ketiga. Dengan EEC pula, ASEAN telah menandatangani satu perjanjian kerjasama. Usaha-usaha kita ini, adalah merupakan satu sumbangan, ke arah meletakkan asas-asas sistem ekonomi antarabangsa yang baru.

...7/-

7.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Sungguh pun suasana politik dan ekonomi antarabangsa tidak menggalakkan, kita bersyukur dengan kestabilan dan kemakmuran di negara kita.

Kita telah dapat mewujudkan kestabilan politik dan ekonomi, dan telah dapat melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan, yang telah memberi faedah kepada semua golongan dan lapisan rakyat. Faedah ini, tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak pun.

...8/-

8.

Usaha-usaha akan terus dijalankan untuk memajukan negara, meninggikan taraf hidup rakyat, dan mewujudkan perpaduan. Inilah matlamat-matlamat penting kita.

9. Belanjawan tahun 1981, iaitu belanjawan tahun pertama, bagi tempoh Rancangan Malaysia di Parlimen. Ke Empat, baru sahaja dibentangkan. Sebagaimana yang kita semua maklum, Belanjawan tersebut menumpukan perhatian kepada masalah golongan-golongan bawahan seperti peniaga-peniaga kecil, petani dan nelayan. Berbagai galakan juga diadakan, untuk mempergiatkan perkembangan perniagaan

...9/-

9.

dan perusahaan, terutamanya yang kecil. Kerajaan sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, dan akan terus berusaha untuk meringankan beban mereka, dan meninggikan taraf hidup mereka, terutamanya golongan yang kurang bernasib baik.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Di bawah Rancangan Malaysia ke Empat, usaha-usaha yang dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, khususnya mengenai membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, akan diterus dan ditingkatkan lagi. Pembukaan tanah dan pembangunan pertanian, akan dipesatkan.

... 10/-

10.

Kemudahan infrastruktur dan sosial, akan diperluaskan. Dalam bidang ekonomi, usaha-usaha pembangunan per-usahaan, akan diperhebatkan lagi. Tumpuan akan diberi kepada perusahaan besar dan "supportive industry".

11. Kerajaan sedar tentang kekurangan bekalan rumah. Dalam Rancangan Malaysia Ke-empat, Kerajaan akan melipatgandakan usaha, untuk membina lebih banyak lagi rumah-rumah, khasnya rumah-rumah kos rendah. Dalam usaha ini, sektor swasta hendaklah meningkatkan daya pengeluaran mereka, untuk membekalkan barang-barang yang diperlukan oleh perusahaan binaan.

...11/-

11.

12. Sebagai sebuah negara yang merdeka, Malaysia hendaklah mempunyai kemampuan untuk menghadapi ancaman-ancaman terhadap keselamatannya. Bagi maksud ini, peruntukan yang sewajarnya, akan dibelanjakan untuk memoden dan memperbesarkan pasukan keselamatan kita. Ini adalah satu program yang penting di dalam Rancangan Malaysia Ke-empat. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

13. Di dalam usaha-usaha membangunkan negara, dan mengujudkan perpaduan di kalangan rakyat, pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat dari semua golongan, sememangnya diberi perhatian.

...12/-

12.

Tetapi pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat itu, hendaklah juga disesuaikan dengan kepentingan negara keseluruhannya.

14. Saya selalu menyebut dan menekankan peri mustahaknya perpaduan di kalangan rakyat berbilang keturunan. Adalah mustahil pendapat dan fahaman kita sentiasa tidak berbeza. Apa yang penting ^{ialah,} pendapat dan fahaman yang berbeza itu, tidak diperbesar-besarkan, sahingga membawa pecah belah di kalangan rakyat berbilang keturunan.

...13/-

13.

15. Pada hari ini, saya suka mengambil kesempatan untuk menyentuh dua perkara, iaitu kewajipan dan kejujuran atau "commitment and sincerity". Kedua-dua perkara ini besar ertinya segala dalam/usaha kita, untuk mencapai matlamat perpaduan yang telah saya sebutkan itu.

16. Dasar-dasar seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan kita, adalah bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat ini. Kita telah pun mengakui dan bersetuju, bahawa dasar-dasar ini adalah penting

...14/-

14.

dan perlu, bagi menjamin perpaduan dan kemakmuran rakyat dan masa depan negara. Tanggungjawab ini adalah amat berat dan memakan masa, dan mesti dipikul bersama oleh semua golongan dan seluruh rakyat. Kita mestilah menunaikan kewajipan kita, bagi menentukan bahawa dasar-dasar ini, dicapai sepenuhnya dan dengan sempurna. Di sinilah, pentingnya kewajipan dan kejujuran yang saya sebutkan itu.

17. Semua pihak telah menikmati faedah daripada dasar-dasar yang kita adakan. Generasi yang akan datang, akan lebih-lebih lagi menikmati

...15/-

Anak-anak kita sedang belajar untuk hidup dalam harmoni. mereka sedang dipupuk untuk menjadi satu generasi masyarakat malaysia yang mempunyai identiti kebangsaan nya yang kukuh. Janganlah kita meracuni fikiran mereka dengan perbezaan - perbezaan pendapat kita yang tidak terkawal. **

15.

usaha-usaha yang sedang kita jalankan. ~~Janganlah~~ *
~~kita meracuni fikiran anak-anak kita yang sedang~~
~~dipupuk untuk hidup secara harmoni dengan~~
~~identiti-identiti kebangsaannya.~~ ** Mereka memerlukan
peluang untuk mewarisi satu negara yang utuh,
bersatu-padu dan makmur. Kita mestilah menunaikan
kewajipan dan membuktikan kejujuran kita, untuk
menjamin peluang ini diberikan kepada mereka.

18. Pada 15haribulan ini, Barisan Nasional
akan menghadapi pilihanraya kecil di kawasan
Pengkalan Kota di Pulau Pinang. Ini adalah satu
cabaran, bagi anggota-anggota Barisan Nasional

16.

untuk membuktikan semangat perpaduan kita.

pengundi - pengundi di

Saya menyeru ~~masyarakat~~ Pengkalan Kota supaya
menyokong calon Barisan Nasional dan
~~mengenang jasa-jasa Kerajaan Barisan Nasional~~
dengan demikian, meneruskan pembangunan
~~dan faedah-faedah yang dinikmati oleh rakyat daripada~~
dan kemajuan di kawasan itu dan
~~dasar-dasar Kerajaan.~~ *di Pulau Pinang.*

Ladies and gentlemen.

19. I have always emphasized the importance
of unity among our people. In a multiracial society,
there is bound to be differences of views ~~and opinions.~~

is that we must *of views*

What is important ~~we should~~ not allow these differences

to be exaggerated to the extent that would cause
disunity among the communities.

...17/-

17.

In all our efforts to achieve national unity, there must be commitment and sincerity.

20. The New Economic Policy, the National Education Policy and the National Cultural Policy are the basis for National Unity. We have accepted these policies as vital to National Unity, prosperity and the future well-being of our nation. It is essential that we ~~do our utmost to~~ uphold and implement these policies. This is our responsibility.

~~and the responsibility of every member of society.~~

To fulfil it,
~~In this task~~ we need commitment and sincerity.

~~which I have mentioned earlier.~~

...18/-

21. These policies benefit all the communities. They will benefit future generations even more. Our children are learning to live in harmony. They are being moulded into a new generation of Malaysians with a strong national identity. Let us not poison their minds with our exaggerated and unrestrained differences. We must dedicate ourselves to leave behind for our children

a united, prosperous and
strong nation.

Tuan-tuan dan Puan
- Puan sekalian.

22.

Dengan kata-kata ini,
saya dengan amal sekuatitanya,
merasmikan pembukaan Perhimpunan
Agong MCA yang ke 28 ini.



No. Siri	505
No. Perkhidmatan	109/81